

UMS kongsi **kepakaran**

BH 5.12.13 v3

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalin kerjasama dengan Universiti Andalas (UNAND), Sumatera Barat, Indonesia dan Standard Chartered Siddiq Berhad (SCSB) menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMS dengan kedua-dua agensi berkenaan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah mewakili UMS menandatangani MoU itu, manakala UNAND diwakili Rektornya, Dr H Werry Darta Taifur dan SCSB oleh Ketua Pegawai Ope-

rasinya, Mohd Nasiruddin Mohd Kamaruddin.

Majlis itu turut disaksikan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Datuk Seri Zaki Tun Azmi dan Konsul Besar Republik Indonesia, Soepeno Sahid.

Kerjasama baharu

Menerusi MoU itu, UMS meneruskan kerjasama sedia ada UNAND sejak 2005 membabitkan program mobiliti pelajar, perkongsian pengetahuan, kebudayaan dan kepakaran antara kedua-dua institusi pengajian tinggi itu.

Kerjasama UMS dengan SCSB pula membabitkan

penganjuran bersama-sama program Mystery Shopper & Calling Exercise yang menyaksikan penyertaan pelajar UMS sebagai pelanggan berpotensi SCSB selain pengisian latihan panggilan telefon dan lawatan ke cawangan SCSB.

Terdahulu dalam ucapannya, Harun berkata, kejayaan kerjasama sebelum ini antara UMS dengan UNAND pada 2005 mendorong universiti memperbaharui kerjasama tersebut demi kebaikan kedua-dua belah pihak.

Program bersama-sama
"Antara pencapaian yang

dicapai menerusi kerjasama UMS-UNAND sebelum ini ialah penganjuran siri persidangan antarabangsa Asian Academy of Applied Business, selain dua orang pensyarah UNAND yang berjaya menamatkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) di UMS.

"Menerusi SCSB pula, penyertaan pelajar UMS dalam program SCSB membolehkan mereka mendapat pendedahan berkaitan pengetahuan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, sekali gus mengasah kemahiran komunikasi dan pemasaran," katanya.



Mohd Nasiruddin (kiri) bertukar dokumen dengan Harun sambil disaksikan Zaki (tengah).